



جَابِرَنْ مُفْتَنْ كَرِيْ قَهْجَ
TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
SIRI 03/2025



NUZUL AL-QURAN

14 MAC 2025M | 13 RAMADAN 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلُ : شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنْ أَهْدَى

وَالْفُرْقَانِ ۝

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Kitab suci Al-Quran al-Karim diturunkan pada bulan Ramadan dan mempunyai sebanyak 114 surah dan mengandungi 6,236 ayat. Imam Ibn Kathir dan Imam al-Suyuti Rahimahumallah menghuraikan bahawa penurunan al-Quran berlaku secara sekaligus daripada Luh al-Mahfuz ke Langit Dunia (Baitul Izzah) pada bulan Ramadan. Kemudiannya penurunan secara beransur-ansur, sebahagiannya berdasarkan peristiwa, dan penurunannya berlaku selama 23 tahun. Allah Azza wa Jalla memilih bulan Ramadan berbanding bulan-bulan yang lain untuk menzahirkan kemuliaan dan keistimewaan bulan Ramadan ini. Firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 185:

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ

وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ

Yang bermaksud: “Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi



keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah.”

Ayat ini menjelaskan bahawa al-Quran yang turun pada bulan suci Ramadan merupakan panduan hidup umat manusia. Al-Quran itu berfungsi memberi petunjuk, membimbing manusia dan membezakan antara perkara yang hak dan yang batil.

Umat Islam di seluruh dunia menyambut Nuzul al-Quran pada setiap 17 Ramadan. Sambutan Nuzul al-Quran amat sinonim dengan roh bulan Ramadan yang juga digelar sebagai bulan al-Quran. Ramai daripada kalangan kita berusaha mengkhatamkan al-Quran, atau membacanya lebih banyak sepanjang bulan Ramadan berbanding pada bulan-bulan yang lain. Semua ini dilakukan atas keyakinan bahawa pembaca al-Quran mendapat ganjaran pahala yang banyak. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi yang bermaksud: “*Sesiapa yang membaca satu huruf daripada al-Quran maka baginya kebaikan. Dan kebaikan itu sama seperti 10 kali ganda. Aku tidak katakan alif lam mim itu satu huruf, akan tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf.*”



Hadis ini menggambarkan betapa besarnya ganjaran pahala membaca al-Quran. Motivasi kita untuk membaca al-Quran dikuatkan lagi dengan janji Rasulullah Alaihi Wasallam dalam sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

اَفْرُءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Yang bermaksud: “*Bacalah al-Quran. Sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai pemberi syafaat kepada pembacanya.*”

Inilah antara kelebihan membaca al-Quran. Dengan kecanggihan teknologi hari ini, kita boleh memuat turun pelbagai aplikasi al-Quran mahupun tafsir al-Quran di telefon bimbit. Kita boleh membaca al-Quran atau meneliti tafsirnya di mana jua kita berada sama ada di rumah, di pejabat, dalam kenderaan dan sebagainya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala.

Sedarlah betapa pentingnya generasi umat Islam masa depan terutama golongan muda termasuk anak-anak kecil mestilah dipupuk dengan semangat cintakan al-Quran semenjak zaman kanak-kanak lagi. Berilah bimbingan yang secukupnya untuk



mereka membaca al-Quran dengan lancar. Kita bimbang sekiranya mereka tidak pandai membaca, tidak mengenal huruf, dan menjadi buta al-Quran; sudah tentulah mereka sukar mendampingi al-Quran bahkan jauh sekali untuk menjadikan al-Quran sebagai panduan kehidupan.

Walaupun budaya mengaji al-Quran telah ada dalam kalangan anak-anak kita melalui kelas-kelas kafa dan pengajian swasta namun budaya penghayatan al-Quran masih di tahap yang sederhana dalam kalangan anak-anak kita lebih-lebih lagi apabila berdepan dengan pengaruh media sosial dan hiburan. Justeru itu, janganlah ibu bapa kedekut dan berkira-kira untuk berbelanja menghantar anak-anak belajar membaca dan menghayati al-Quran.

Sidang Jumaat yang berbahagia.

Marilah kita beramal dengan ajaran al-Quran. Jangan dibiarkan Al-Quran menghiasi rak-rak perhiasan di rumah sahaja, tetapi ambillah pengajaran kandungannya seiring dengan keyakinan kita bahawa kitab suci ini adalah sebagai peraturan dan panduan kehidupan kita sama ada dalam aspek ibadah, sosial, ekonomi dan kemasyarakatan. Ia merangkumi panduan akidah, hukum lahiriah (syariah), akhlak, sejarah umat-umat dan rasul-



rasul terdahulu, fakta-fakta saintifik, nasihat-nasihat dan peringatan-peringatan buat kita semua. Sabda Nabi Muhammad Sallahu alaihi Wasalam dalam hadis riwayat Imam Malik Rahimahullah:

تَرَكْتُ فِينِكُمْ أَمْرِيْنِ، لَنْ تَضِلُّوْ مَا تَمَسَّكُتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ، وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ

Yang bermaksud: “*Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah (al-Quran) dan sunnah Nabi-Nya.*”

Hadis ini jelas menggambarkan bahawa kunci kekuatan dan penyelamat umat Islam daripada kesesatan adalah berpegang teguh dengan al-Quran dan al-Sunnah dengan mengikut tafsiran yang muktabar. Bahkan perkara ini disedari oleh musuh-musuh Islam yang sentiasa berusaha menjauhkan umat Islam daripada al-Quran melalui budaya hedonisme (hiburan melampau tanpa batas).



Sidang Jumaat yang berbahagia.

Sebagai mengakhiri khutbah, khatib menegaskan bahawa:

Pertama, Al-Quran merupakan kitab suci yang diturunkan untuk menjadi petunjuk dan panduan hidup kita dalam segala aspek kehidupan.

Kedua, perbanyakkanlah bacaan al-Quran demi meraih ganjaran pahala yang berganda di sisi Allah pada bulan Ramadan.

Ketiga, didiklah anak-anak dan remaja kita mencintai al-Quran supaya mereka berupaya membaca al-Quran dengan baik dan menghayati serta mengamalkannya dalam kehidupan.

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَحَقُّ رُوْبَرْتُ
الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّلِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا
كِيرًا ⑨



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.